



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD
UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ.
ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM
ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K.
SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD
RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD
NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARAN/2026(9)

6 MAC 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-09/2026:

PEMANSUHAN PEMROSESAN PELANJUTAN PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA (PLKS) PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM telah menerima emel rasmi bertarikh 5 Mac 2026 daripada Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) berikutan keputusan **YB Menteri Dalam Negeri** mengenai format pelanjutan **Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) 3+2+2+2+1** bagi pengawal keselamatan warganegara Nepal telah dimansuhkan sepenuhnya dan digantikan dengan kaedah pelanjutan tahunan yang diproses secara terus oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui Sistem **Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)**.

3. Sehubungan itu, semua urusan pelanjutan **PLKS** pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak lagi diproses oleh Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam. Ini termasuk permohonan pelanjutan bagi tempoh perkhidmatan melebihi sepuluh (10) tahun iaitu **Tahun ke-11 hingga Tahun ke-13**, yang kini diproses sepenuhnya oleh **JIM** mengikut prosedur imigresen sedia ada melalui sistem **FWCMS**, tanpa memerlukan pertimbangan atau pengeluaran surat pelanjutan daripada pihak KDN.

4. Dengan pelaksanaan keputusan ini, semua syarikat keselamatan berlesen tidak lagi perlu mengemukakan permohonan pelanjutan **PLKS** pengawal keselamatan warganegara Nepal kepada KDN, sebaliknya permohonan pelanjutan hendaklah dibuat secara terus kepada **JIM** melalui sistem **FWCMS**.

5. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan:
- 5.1 Surat KDN bertarikh **20 Januari 2026** berhubung pemansuhan format pelanjutan PLKS sehingga Tahun ke-10;
 - 5.2 Surat KDN bertarikh **27 Februari 2026** berhubung pemansuhan pemprosesan pelanjutan PLKS bagi tempoh Tahun ke-11 hingga Tahun ke-13; dan
 - 5.3 Surat pemakluman **JIM bertarikh 4 Mac 2026** yang memaklumkan pelaksanaan pemansuhan tersebut serta pemprosesannya secara terus melalui sistem **FWCMS**.
6. Walau bagaimanapun, **permohonan dan kelulusan kuota pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal masih kekal di bawah bidang kuasa KDN** bagi tujuan penetapan dasar, pertimbangan keselamatan serta kawal selia industri keselamatan swasta.
7. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan urusan pelanjutan PLKS hendaklah dirujuk terus kepada **JIM**.

Perhatian ahli-ahli PIKM berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT

b.p: Presiden PIKM